



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2015

**IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk mengemas kini peraturan dan pelaksanaan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Pemberian ITP kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah merupakan usaha Kerajaan dalam membantu meringankan kos sara hidup penjawat awam. Pada masa ini, pelaksanaan pemberian ITP kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah mengikut ketetapan yang diperuntukkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1980, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2000, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2004, Surat JPA(S)2760/10 Klt.11 (36) bertarikh 13 Disember 2006, Surat

JPA(S)2760/10 Klt.12 (50) bertarikh 30 November 2007, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009.

3. Kerajaan bersetuju untuk mengemas kini peraturan pelaksanaan pemberian ITP dengan menetapkan kadar ITP terendah pada kadar RM300 sebulan dan pemberian ITP kepada pegawai yang mendiami kuarters (Rumah Kerajaan).

PELAKSANAAN

Kadar ITP

4. Pemberian ITP kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah seperti jadual-jadual di bawah:

Jadual 1: Kadar ITP bagi Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam Am Persekutuan

Gred	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
40 dan ke bawah	180	300
41 dan 42	250	300
43 dan 44	400	kekal
45 hingga 50	700	kekal
51 dan 52	700	kekal
53 dan 54	900	kekal

Jadual 2: Kadar ITP bagi Pegawai Perkhidmatan Bomba di Semenanjung

Gred	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
KB17	275	300
KB22	275	300
KB24	300	kekal
KB26	300	kekal
KB29	420	kekal
KB32	420	kekal
KB38	420	kekal
KB41	450	kekal
KB44	500	kekal
KB48	700	kekal
KB52	700	kekal
KB54	900	kekal

Jadual 3: Kadar ITP bagi Pegawai Perkhidmatan Bomba di Sarawak/Sabah/Labuan

Gred	Sarawak		Sabah/Labuan	
	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
KB17	330	kekal	435	kekal
KB22	330	kekal	435	kekal
KB24	360	kekal	480	kekal
KB26	360	kekal	480	kekal
KB29	450	kekal	580	kekal
KB32	450	kekal	580	kekal
KB38	450	kekal	580	kekal
KB41	475	kekal	600	kekal
KB44	500	kekal	700	kekal
KB48	700	kekal	700	kekal
KB52	700	kekal	700	kekal
KB54	900	kekal	900	kekal

Jadual 4: Kadar ITP bagi Pegawai Perkhidmatan Penjara di Semenanjung

Gred	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
KX17	275	300
KX20	275	300
KX22	275	300
KX24	300	kekal
KX26	300	kekal
KX27	420	kekal
KX32	420	kekal
KX38	420	kekal
KX41	450	kekal
KX44	500	kekal
KX48	700	kekal
KX52	700	kekal
KX54	900	kekal

Jadual 5: Kadar ITP bagi Pegawai Perkhidmatan Penjara di Sarawak/Sabah/Labuan

Gred	Sarawak		Sabah/Labuan	
	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
KX17	330	kekal	435	kekal
KX20	330	kekal	435	kekal
KX22	330	kekal	435	kekal
KX24	360	kekal	480	kekal
KX26	360	kekal	480	kekal
KX27	450	kekal	580	kekal
KX32	450	kekal	580	kekal
KX38	450	kekal	580	kekal
KX41	475	kekal	600	kekal
KX44	500	kekal	700	kekal
KX48	700	kekal	700	kekal
KX52	700	kekal	700	kekal
KX54	900	kekal	900	kekal

Jadual 6: Kadar ITP bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan

Gred	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
JUSA/Khas C	1,300	kekal
JUSA/Khas B	1,600	kekal
JUSA/Khas A	2,000	kekal
Turus III	2,500	kekal
Turus II	2,500	kekal
Turus I	2,500	kekal
KSN	3,000	kekal

Pemberian ITP kepada Pegawai yang Diperuntukkan Kuarters

5. Kerajaan turut bersetuju ITP diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan termasuk Perkhidmatan Bomba dan Perkhidmatan Penjara yang mendiami kuarters, pada kadar 25% daripada kadar kelayakan ITP pegawai.

6. Penetapan pada kadar 25% daripada kelayakan ITP pegawai seperti di perenggan 5 pekeliling perkhidmatan ini tidak terpakai kepada pegawai yang diperuntukkan:

- (i) Rumah Biasa Kerajaan dan berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan (kecuali Perkhidmatan Bomba, Penjara dan Unit Pencegahan Penyeludupan, Kementerian Dalam Negeri);

- (ii) Rumah Khas Jabatan;
- (iii) Rumah Khas Jawatan;
- (iv) Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan; atau
- (v) kemudahan perumahan yang tidak dianggap sebagai kuarters di kawasan pedalaman.

7. Bagi pegawai yang **diperuntukkan kuarters**, pegawai itu layak untuk menerima bayaran ITP pada kadar 25% daripada kelayakan pegawai:

- (i) termasuk dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (a) pegawai tersebut mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa dalam keadaan pegawai itu dibenarkan untuk menduduki kuarters; atau
 - (b) bagi pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa, pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar 25% daripada kelayakan pegawai atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau melebihi kadar 25% daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya.
- (ii) kecuali jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai itu menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai hanya akan dibayar separuh daripada kadar 25% daripada ITP tersebut.

Pemberian ITP kepada Pegawai yang Tidak Diperuntukkan Kuarters

8. Bagi pegawai yang **tidak diperuntukkan kuarters**, layak untuk menerima bayaran ITP pada kadar penuh:

- (i) termasuk dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (a) pegawai yang mendiami kuarters yang diperuntukkan kepada pasangan pegawai;
 - (b) pegawai mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa; atau
 - (c) pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa dan pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar penuh atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau lebih daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya.
- (ii) kecuali, jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai itu hanya akan dibayar ITP separuh daripada kadar penuh ITP tersebut.

Pemberian ITP kepada Pegawai yang Disediakan Kemudahan Perumahan Tetapi Tidak Dianggap Sebagai Kuarters di Kawasan Pedalaman

9. Pemberian ITP kepada pegawai yang disediakan kemudahan perumahan tetapi rumah tersebut tidak dianggap sebagai kuarters (Rumah Kerajaan) di kawasan pedalaman tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) penentuan kawasan pedalaman adalah sepertimana yang dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2000 dan pindaannya dari semasa ke semasa;
- (ii) kemudahan perumahan yang disediakan itu tidak menepati ketiga-tiga kriteria perumahan Kerajaan sepertimana yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri iaitu:
 - (a) sebuah rumah yang dijadikan kuarters di kawasan pedalaman hendaklah diperoleh atau dibina dengan peruntukan Kerajaan;
 - (b) diselenggara oleh Kerajaan; dan

- (c) mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, kaedah pembuangan najis dan kumbahan yang sempurna.
 - (iii) sebarang keraguan berhubung definisi kuarters seperti yang dijelaskan di perenggan 9(ii) di atas, boleh dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.
10. Bagi pegawai yang **disediakan kemudahan perumahan tetapi rumah tersebut tidak dianggap sebagai kuarters di kawasan pedalaman**, layak untuk menerima bayaran ITP pada kadar penuh:
- (i) termasuk dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (a) pegawai yang mendiami kuarters yang diperuntukkan kepada pasangan pegawai;
 - (b) pegawai mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa; atau
 - (c) pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa dan pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar penuh atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau lebih daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya.
 - (ii) kecuali jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai itu hanya akan dibayar ITP separuh daripada kadar penuh ITP tersebut.

Pemberian ITP kepada Pegawai yang Diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan

11. Bagi pegawai yang **diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan** (kecuali Perkhidmatan Bomba, Penjara dan Unit Pencegahan Penyeludupan, Kementerian Dalam Negeri), layak menerima bayaran ITP pada kadar 50% daripada kelayakan pegawai dan tidak dikenakan bayaran sewa:

- (i) termasuk dalam keadaan-keadaan berikut:
 - (a) pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa; atau
 - (b) pegawai yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa dan pegawai itu boleh memilih untuk menerima ITP pada kadar 50% daripada kelayakan pegawai atau unsur bantuan sewa rumah yang sama nilai atau melebihi kadar 50% daripada ITP tersebut yang diberi bersekali dengan biasiswanya.
- (ii) kecuali jika pegawai berkenaan mengikuti suatu kursus yang hanya melayakkan pegawai menerima separuh gaji sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai itu hanya akan menerima bayaran separuh daripada kadar 50% daripada ITP tersebut.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 November 2015**.

PEMBATALAN

13. Dengan berkuat kuasa pekeling perkhidmatan ini, maka:

- (i) **perenggan 18, 19 dan perenggan A1, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996** adalah **dibatalkan**;
- (ii) **perenggan 2.5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996** adalah **dibatalkan**;
- (iii) **Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2000** adalah **dibatalkan**;

- (iv) **perenggan A1, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000** adalah **dibatalkan**;
- (v) **perenggan A1, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001** adalah **dibatalkan**;
- (vi) **perenggan 2, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002** adalah **dibatalkan**;
- (vii) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2004** adalah **dibatalkan**;
- (viii) **Surat JPA(S)2760/10 Klt.11 (36)** bertarikh **13 Disember 2006** adalah **dibatalkan**;
- (ix) **Surat JPA(S)2760/10 Klt.12 (50)** bertarikh **30 November 2007** adalah **dibatalkan**;
- (x) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007** adalah **dibatalkan**; dan
- (xi) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009** adalah **dibatalkan**.

14. Walau bagaimanapun, pembatalan ini tidak mengubah apa-apa jua kesahan (*validity*) dan kuasa apa-apa keputusan yang dibuat sebelum pekeling perkhidmatan, surat pekeling perkhidmatan dan surat-surat seperti di perenggan 13 yang dibatalkan. Kandungan terdahulu terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya dan dilaksanakan melalui pekeling perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk pada pemakaian oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

(O) September 2015

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan